



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform sebelum jam 3.00 petang, 7 Julai 2026.

Untuk Terbitan Media
7 Julai 2026

SIARAN MEDIA

MYFUTUREJOBS AI+ PEMANGKIN TENAGA KERJA BERKEMAHIRAN, BERDAYA TAHAN

SEREMBAN: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) memperkenalkan *MYFutureJobs AI+* sebagai langkah proaktif dalam mempersiapkan tenaga kerja mendepani arus teknologi kecerdasan buatan (AI) dan pendigitalan yang semakin dinamik.

Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, berkata inisiatif strategik itu bakal memperkukuh peranan portal MYFutureJobs daripada sekadar platform padanan pekerjaan kepada platform pembangunan bakat masa hadapan berteraskan teknologi baharu.

Katanya, Kerajaan MADANI komited untuk memastikan rakyat Malaysia bukan sahaja mendapat pekerjaan, malah memiliki kemahiran yang diperlukan untuk terus relevan dan berdaya saing seiring perkembangan dunia pekerjaan ke arah teknologi AI serta pendigitalan.

“Melalui inisiatif ini, pencari kerja akan didedahkan kepada literasi AI, peluang latihan kemahiran masa hadapan serta pembangunan kompetensi yang diiktiraf industri.

“Saya yakin MyFutureJobs AI+ akan menjadi pemangkin dalam melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran, AI-ready, berdaya tahan dan bersedia menghadapi cabaran ekonomi digital, selaras aspirasi Malaysia MADANI.

“Pendekatan ini juga selari saranan World Economic Forum agar pembangunan tenaga kerja memberi penekanan kepada reskilling dan upskilling secara berterusan bagi menghadapi perubahan yang dipacu oleh AI, automasi dan pendigitalan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian Karnival LINDUNG Kerjaya MADANI di Sendayan, di sini hari ini yang turut dihadiri Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Karnival LINDUNG Kerjaya MADANI di Sendayan menawarkan 2,000 kekosongan jawatan daripada 40 majikan merangkumi pengurusan dan profesional, selain pelatih industri, dengan tawaran gaji mencecah sehingga RM9,000 sebulan.

Mengulas lanjut, Ramanan berkata Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi PERKESO akan terus membantu memperkukuh pasaran kerja di Negeri Sembilan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negeri diterjemahkan kepada peluang kerjaya mampan untuk rakyat.

Jelasnya, antara inisiatif utama ke arah matlamat itu adalah menerusi pindaan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) yang diluluskan Dewan Rakyat pada 30 Jun lalu bagi memperkukuh tadbir urus pasaran buruh negara.

“Pindaan ini antara lain meningkatkan perlindungan kepada individu yang kehilangan pekerjaan serta memperkukuh peranan **MYFutureJobs** sebagai platform perkhidmatan pekerjaan utama negara.

“Melaluinya, jumlah sokongan atau faedah bagi pencarum SIP kini boleh mencecah sehingga **RM25,000**,” katanya.

Menyentuh perkembangan pasaran buruh di Negeri Sembilan, Ramanan menjelaskan bahawa seramai 145,625 pencari kerja mendaftar di portal MYFutureJobs sejak 2020 hingga Julai lalu, manakala 45,535 penempatan pekerjaan berjaya direkodkan menerusi inisiatif padanan kerja di seluruh negeri.

Beliau berkata statistik berkenaan jelas membuktikan bahawa pasaran buruh Negeri Sembilan kekal aktif dengan permintaan tenaga kerja yang berterusan merentasi pelbagai sektor ekonomi.

“Perkembangan memberangsangkan ini juga disokong data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi suku pertama 2026 yang menunjukkan kadar pengangguran di Negeri Sembilan adalah amat rendah iaitu 2.4 peratus, lebih rendah berbanding paras nasional 2.9 peratus.

“Ini juga membuktikan keyakinan tinggi sektor industri dan majikan untuk terus mewujudkan peluang pekerjaan baharu yang mampan buat rakyat, sekali gus memastikan anak tempatan sentiasa bersedia merebut peluang,” ujarnya.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

7 Julai 2026

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Ikliil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my